

## INOVASI UTeM BERSINAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA

UTeM terus cemerlang dan dikagumi di pentas rekacipta dan inovasi dunia dengan kemenangan di "World Exhibition on Innovation, Research and New Technologies (INNOVA 2010)" di Brussels, Belgium dan di Seoul International Invention Fair 2010 (SIIF 2010), Korea Selatan yang berlangsung baru-baru ini.

Di Brussels, sebanyak enam produk penyelidikan telah menyertai pertandingan tersebut dan kesemuanya telah berjaya memperoleh pingat iaitu empat emas, satu perak dan satu gangsa manakala di Seoul pula menyaksikan pasukan penyelidik UTeM merangkul tiga pingat emas, satu anugerah khas, satu pingat perak dan 2 pingat gangsa.

Pingat emas di Brussels telah disumbangkan oleh Mazran bin Esro, Engr. Sivakumar a/l Subramaniam, Mohamad Zoinol Abidin bin Abd. Aziz dan Ir. Sivarao a/l Subramonian manakala Sulaiman bin Sabikan memperoleh pingat perak dan Masjuri bin Musa mendapat gangsa.

Sementara itu, di Seoul, Anugerah Khas telah dirangkul menerusi projek Concurrent MAC Protocol With Short Signaling for Multi-hop WMN. Projek tersebut merupakan hasil inovasi cemerlang pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) Mohd Riduan Ahmad.

Pada masa yang sama projek ini juga memenangi pingat emas bersama dengan dua lagi pingat emas yang telah dimenangi oleh Mohd Farriz Basar dengan projeknya Smart Pico Hydro Generator for Domestic Building (Spico) dan Automated Intelligent Storage Security and Alert System (iSAS 2000) hasil ciptaan Muhammad Herman Jamaluddin dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

SIIF 2010 dianjurkan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA) dan disokong penuh oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) dan International Federation of Investors Associations (IFIA). SIIF 2010 merupakan satu pameran rekacipta yang terbesar di Asia yang melibatkan penyertaan 36 buah negara dari rantau ini seperti Russia, China, Korea, Taiwan, Thailand, Indonesia, dan Singapura.

Tahniah kepada pasukan penyelidik UTeM dan semoga kejayaan di peringkat antarabangsa ini terus menjadi perangsang kepada semua warga kerja UTeM dan menjadi suntikan semangat juang yang tinggi bahawa keazaman dan tekad yang berterusan akan menghasilkan kejayaan yang bukan hanya melakar sejarah kecemerlangan UTeM malah turut mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.



**UTeM**  
**BERSINAR**  
 MELESTARI INFORMASI KOMUNITI BERINOVASI

LG  
173  
.M44  
.B47  
2010  
a  
Dec



**KANDUNGAN**

Inovasi UTeM Bersinar Di Peringkat Antarabangsa | UTeM Jalin Kerjasama Dengan Yokohama National University | UTeM Terokai Bidang Penyelidikan Teknologi Termaju di Korea Selatan | UTeM Mengajukan SME Luncheon Talk 2010 | Mesyuarat "Industrial Advisory Panel" Kukuhkan Hubungan UTeM dengan Industri | Jamuan 10 Tahun UTeM Meriah | UTeM Anjur Seminar Antarabangsa Mengenai Jenayah Siber | Jabatan Pendidikan Nasional Indonesia Rangka Kerjasama Dengan UTeM | Kakitangan UTeM Jalan Semarak Lawat Kemudahan Makmal UTeM | Perda Tech Tinjau Pusat Pembuatan Termaju UTeM | Duta Negara Jerman Melawat UTeM - Tingkatkan Program Pengantarabangsaan UTeM | Kursus Induksi Umum Gred 27, 29 Dan Pengurusan & Profesional | Bengkel Setiausaha Cemerlang Capai Matlamat | Bengkel Memuktamadkan Balanced Scorecard UTeM Tier 1 | HEPA UTeM Anjur Majlis Makan Malam "Home Coming" Alumni | Klinik Mahasiswa UTeM Terima Lawatan Dari UiTM | Siswa UTeM Berbakti Di Felda Chiku Gua Musang | Sukarelawan Konvoi Flotila Berkongsi Pengalaman Di Tazkirah Mega Anjuran PUSPANITA UTeM | Pejabat Bendahari UTeM Di Iktiraf Menepati Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) | Belia FELDA Tertarik Konsep Pembelajaran Di UTeM | UTeM Beri Saingan Sengit Pada Temasya Sukan MTUN | Personaliti Pilihan







# UTeM Jalin Kerjasama dengan Yokohama National University

## Editor BERITA@UTeM

### KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

### WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad  
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

### REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang  
Suria Binti Abdul Rahman  
Zaffaruddin Bin Hamzah  
Norhayati Binti Yakob

### JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh  
Nurulidayu Binti Talib  
Mohd Farid Bin Supangi  
Asri Bin Abu

### PENGEDARAN :

Al Rohaiya Binti Adanan  
Manisah Binti Kamarudin  
Nurizzah Aliah Binti Malek Abdulah  
Mohd Hanafie Bin Saip  
Nor Sabrina Binti Mohd Dali  
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

**6 Disember 2010:** UTeM mencatatkan sejarah tersendiri apabila menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) dengan sebuah universiti ternama dari negara Jepun iaitu Yokohama National University YNU baru-baru ini.

Secara umumnya lawatan kerja dan majlis menandatangani MOU ini lebih tertumpu kepada bidang penyelidikan dalam bidang mekatronik dan elektronik kuasa dan YNU adalah salah sebuah universiti di Jepun yang sememangnya diiktiraf sebagai pelopor dalam bidang ini.

Majlis menandatangani MOU ini telah diadakan di YNU yang telah diketuai oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan bersama delegasi yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Dato' Profesor Dr Mohd Nor bin Husain, Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) Engr Prof Dr Marizan bin Sulaiman dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) Prof. Madya Dr Zulkiflie bin Ibrahim.

Jalinan kerjasama strategik ini berfokus kepada beberapa perkara utama yang akan memberi faedah dan impak besar kepada UTeM dan juga YNU. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan ialah kerjasama aktiviti penyelidikan yang melibatkan staf dan pelajar. Delegasi UTeM juga dibawa melawat ke beberapa buah makmal penyelidikan Mekatronik dan Elektronik Kuasa yang terdapat YNU.

## UTeM Terokai Bidang Penyelidikan Teknologi Termaju di Korea Selatan

**7 - 10 Disember 2010:** Bagi memperluaskan lagi penerokaan dalam bidang penyelidikan dan inovasi dalam bidang teknologi termaju, UTeM telah mengadakan lawatan kerja selama empat hari ke Korea Selatan dengan mengunjungi beberapa buah institusi pengajian tinggi dan syarikat gergasi negara itu dalam fokus untuk meningkatkan lagi keunggulan UTeM dan daya saing di peringkat global.



Dalam lawatan kerja tersebut, delegasi UTeM diketuai oleh Naib Canselor Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan disertai oleh Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa, Dato' Prof. Dr Mohd Nor Husain, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) Prof Madya Muhammad Shahrir Johal serta beberapa pensyarah kanan dari fakulti ini.

Delegasi UTeM juga mengadakan lawatan kerja ke salah sebuah universiti yang berfokus dalam bidang sains kreatif dan teknologi iaitu Kumoh National Institute of Technology (KIT) yang terletak di kawasan perindustrian berteknologi tinggi. Di KIT, konsep pengajian yang dijalankan di institusi tersebut menyamai konsep pengajian yang dijalankan oleh UTeM. Di sana, delegasi UTeM membincangkan tentang kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama dengan pihak KIT seperti program pertukaran pelajar.

UTeM telah mengunjungi Hanback Electronics yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan trainer berasaskan teknologi terkini untuk tujuan pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan. Susulan itu delegasi telah diberi penerangan lanjut tentang makmal terkini yang berkaitan dengan 'Green IT' yang merupakan salah satu cabang teknologi pada masa ini.

Lawatan ke Korea Selatan diakhiri dengan kunjungan ke Electronic Telecommunication Research Institute (ETRI). Pihak ETRI menyambut baik inisiatif UTeM dan menawarkan penyelidikan bersama yang boleh dijalankan dengan penyelidik universiti ini dalam salah satu bidang tumpuan bagi peringkat sarjana muda kejuruteraan elektronik iaitu Wireless & Mobile Communication.

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke [berita@utem.edu.my](mailto:berita@utem.edu.my)


Hak Cipta Terpelihara  
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal, Melaka  
Tel : +606 331 6248 / 6249  
Faks : +606 331 6247



# Jamuan 10 TAHUN UTeM MERIAH

**1 Disember 2010** : Bertempat di Kompleks Pusat Sukan, seluruh warga UTeM berkumpul dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan meraikan sambutan ulangtahun penubuhan universiti ini yang ke sepuluh tahun. Y.Bhg. Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dalam ucapannya menyampaikan setulus penghargaan kepada perintis UTeM yang telah mencurahkan jasa bakti memastikan kelestarian universiti ini sehingga mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang pada masa kini.

Y.Bhg. Naib Canselor kemudiannya memotong kek sebagai simbolik kepada sambutan pada hari tersebut. Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman serta pegawai-pegawai kanan universiti. Turut diraikan pada majlis itu mantan Rektor pertama Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Abd. Ghani.



## UTeM Menganjurkan **SME LUNCHEON TALK 2010**

**15 Disember**: Pusat Jaringan Industri Dan Komuniti (ICNet) telah menganjurkan "SME Luncheon Talk 2010" yang bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta mengenali UTeM dengan lebih dekat lagi. Objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan kepada pengusaha industri kecil dan sederhana tentang kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak universiti.

Selepas taklimat ini berlangsung, para peserta dibawa melawat ke Pusat Pembuatan Termaju (AMC) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) untuk melihat kemudahan dan peralatan yang disediakan. Dengan adanya sesi lawatan ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan mesin-mesin yang terdapat di UTeM dan ianya boleh digunakan secara usahasama oleh syarikat-syarikat industri ini bagi meningkatkan lagi produktiviti mereka.



## Mesyuarat **"Industrial Advisory Panel"** Kukuhkan Hubungan UTeM dengan Industri

**15 Disember** : UTeM telah mengadakan mesyuarat 'Industrial Advisory Panel' (IAP) yang dihadiri oleh pakar-pakar industri dari industri strategik di Malaysia. Mesyuarat ini telah dikendalikan oleh Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet). Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan telah mempengerusikan mesyuarat ini dan telah membentangkan pencapaian UTeM dan juga laporan-laporan daripada fakulti. Objektif mesyuarat ini juga untuk melihat semula dan memastikan setiap perkara yang telah dinyatakan semasa mesyuarat yang pertama dahulu telah dilaksanakan di semua fakulti dalam meningkatkan hubungan Universiti-Industri.

IAP terdiri daripada pemimpin-pemimpin industri daripada pelbagai latar belakang yang terlibat secara aktif menyumbang idea ke arah pembangunan program-program universiti, staf akademik dan pelajar. Antara ahli-ahli IAP yang hadir adalah Presiden bagi Persatuan Pengilang-pengilang Malaysia, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur, Penasihat Eksekutif Kanan Digital Process Ltd, Toshiaki Mase dan Pn. Yasmin bt Mahmood, Pengarah Eksekutif YTL Communications Sdn. Bhd.

## UTeM anjur Seminar Antarabangsa mengenai **JENAYAH SIBER**

**30 Disember**: Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat, Pejabat Antarabangsa dengan kerjasama Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) mengambil inisiatif dengan menganjurkan Seminar Antarabangsa Berkaitan Jenayah Siber.

Seminar tersebut membicarakan isu-isu sensasi jenayah siber seperti keselamatan maklumat, penipuan serta keganasan siber. Ia juga menampilkan perbincangan mengenai penguatkuasaan undang-undang serta cara-cara menangani jenayah siber dengan lebih terperinci.

Pakar-pakar dalam teknologi siber seperti Prof. Dr. Pieter Hartel dari Universiti of Twente Belanda, Zahari Yunos dari Cyber Security Malaysia, Mahathir Malik dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Prof. Madya Dr. Rabiah Ahmad dari FTMK telah diundang khas bagi menyampaikan pembentangan pada seminar itu.





# Jabatan Pendidikan Nasional Indonesia RANGKA KERJASAMA dengan UTeM

**23 Disember:** Pencapaian cemerlang UTeM dalam bidang pendidikan teknikal dan penyelidikan telah mendapat perhatian Jabatan Pendidikan Nasional Indonesia (DIKNAS) untuk menjalinkan program akademik secara usahasama di antara kedua-kedua negara. Hasrat tersebut dinyatakan sewaktu kunjungan pegawai-pegawai kanan DIKNAS ke Kampus Induk UTeM yang terletak di Durian Tunggal di sini.

Kunjungan dari DIKNAS diketuai oleh Dr. Ab. Susanto disambut oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan yang kemudiannya mempengerusikan perbincangan mengenai kerjasama strategik dua hala. Melalui pelan kerjasama tersebut, DIKNAS berminat untuk menjalinkan kolaborasi dengan UTeM melalui program-program 'double degree' dan 'split degree'.

Turut hadir pada perbincangan tersebut ialah wakil dari Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), Semarang yang dihadiri oleh Rektor Dr. Edi Neorsasongko dan Ketua Yayasan UDINUS, Tri Rustanti. UDINUS yang juga rakan strategik UTeM di Indonesia menyambut baik hasrat jabatan pendidikan negara itu untuk sama-sama berkongsi kepakaran dalam bidang teknikal.



## PERDA TECH

### TINJAU PUSAT PEMBUATAN TERMAJU UTeM

**2 Disember:** Institut Kemahiran Tinggi PERDA Pulau Pinang (PERDA Tech) telah mengadakan lawatan penanda aras di kampus induk UTeM Durian Tunggal baru-baru ini. Lawatan ini telah diketuai oleh Pengarah PERDA Tech, En Mohd Asri Baharum bersama 25 orang lagi staf akademik dan pentadbiran dari institusi itu.

Menurut En Mohd Asri Baharum antara objektif diadakan lawatan Penanda Aras ke UTeM ini adalah untuk mendapatkan maklum balas dan berkongsi kepakaran serta pengetahuan mengenai pengurusan dan pentadbiran UTeM berkaitan hal ehwal pelajar, akademik, pelaksanaan kursus diperingkat diploma dalam bidang kejuruteraan serta meninjau kemudahan dan peralatan berteknologi tinggi yang terdapat di makmal Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) UTeM.

## Kakitangan UTM Jalan Semarak Lawat Kemudahan Makmal UTeM

**28 Disember :** Seramai 60 orang staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kampus Antarabangsa Jalan Semarak Kuala Lumpur telah mengadakan lawatan muhibbah ke UTeM. Lawatan tersebut disertai oleh staf makmal UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology.

Lawatan itu diketuai oleh Prof. Madya Sallehuddin bin Muhamad, Pengurus Makmal kampus tersebut yang bertujuan memberi pendedahan kepada staf untuk melihat kemudahan makmal teknikal di UTeM. Ia juga berperanan sebagai platform untuk mempelajari pengurusan makmal berkesan seperti yang diamalkan di UTeM. Peserta lawatan juga turut dibawa melawat ke sekitar Kampus Induk, makmal Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan makmal Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

## Duta Negara Jerman melawat UTeM Tingkatkan Program Pengantarabangsaan

**17 Disember :** Kejayaan demi kejayaan yang telah dicatatkan UTeM dalam halaman penyelidikan dan inovasi serta kecemerlangan dalam bidang akademik mula mendapat perhatian negara Jerman dengan lawatan oleh Duta Jerman ke Malaysia, Dr. Guenter Gruber. Beliau telah diiringi oleh Mr. Andreas Lang, Pegawai Khas Duta Jerman. Lawatan rasmi beliau disambut oleh Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan dan barisan Pegawai Kanan UTeM.

Menurut Dr Guenter Gruber, Jerman merupakan salah sebuah negara yang sedang menerajui bidang teknologi termaju dunia dalam bidang perindustrian, pembuatan, elektronik, automobil dan telekomunikasi. Atas sebab ini, beliau merasakan hubungan strategik dengan UTeM perlu diterokai bagi memanfaatkan konsep universiti teknikal seperti UTeM yang menyamai konsep universiti teknikal di Jerman. Hasil daripada lawatan ini, beberapa program kerjasama telah dirangka bagi menjayakan hubungan strategik UTeM dengan industri dari Negara Jerman dan lain-lain kerjasama seperti kerjasama penyelidikan, pertukaran pelajar dan penempatan kakitangan akademik di syarikat gergasi Jerman.





# Kursus Induksi Umum Gred 27, 29 dan Pengurusan & Profesional

**9 Disember** : Unit Pengesahan Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Induksi Umum Gred 27, 29 dan Pengurusan & Profesional bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sepanjang tempoh dijalankan, peserta telah didedahkan dengan pelbagai aspek seperti dasar-dasar kerajaan, Pekeliling-pekeliiling Perkhidmatan Awam, pembentukan keyakinan diri dan semangat kerja berpasukan. Ceramah berkaitan isu sensasi seperti integriti dan rasuah turut diadakan bagi memupuk kefahaman yang jelas di kalangan peserta.

Selain sesi ceramah, penganjur turut menyediakan aktiviti luar secara berkumpulan yang nyata menguji ketahanan fizikal dan mental peserta. Aktiviti jungle trekking telah diadakan di Hutan Simpan Tanjung Tuan yang terkenal dengan rumah apinya.

Pada malam terakhir kursus, majlis makan malam telah diadakan. Bertemakan 'Malam Bahtera Perubahan' peserta telah mempersembahkan drama kreatif yang sangat menarik. Majlis ini turut dihadiri oleh En. Hasan bin Sirun, Pendaftar dan En. Khairul bin Taib, Bendahari bersama-sama fasilitator serta jurulatih sukan.



## Bengkel Setiausaha Cemerlang Capai Matlamat

**3 – 5 Disember**: Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTeM telah mengadakan Bengkel Setiausaha Cemerlang di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Objektif bengkel ini adalah untuk membantu para peserta memahami dan menghayati tentang tugas dan tanggungjawab mereka yang bergelar "Setiausaha". Di samping itu juga ia dapat membantu peserta menambah kemahiran dan kecekapan professional bagi menjamin kecemerlangan mengurus pejabat organisasinya secara berkesan.

Seramai 34 orang staf UTeM turut serta dalam menjayakan bengkel ini. Dengan penglibatan mereka dalam bengkel ini maka ianya dapat membantu dalam proses membentuk sahsiah sendiri yang lebih mantap disamping meningkatkan lagi kemahiran komunikasi dan hubungan kemanusiaan yang berkesan dalam sama-sama membawa UTeM ke arah kecemerlangan dan menjadi institusi pengajian tinggi awam yang terbaik di Malaysia.

## Bengkel Memuktamadkan Balanced Scorecard UTeM Tier 1

**1 Disember**: Pengurusan tertinggi UTeM berkumpul sekali lagi pada Bengkel Balanced Scorecard (BSC) Tier 1 yang memasuki fasa terakhir penyediaannya sebelum dilaksanakan pada tahun 2011 nanti. Pelaksanaan BSC adalah selaras dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menyemai budaya penilaian prestasi serta mengukur benchmark keberhasilan setiap PTJ agar keselarasan dapat dipantau. Oleh yang demikian, BSC bakal dijadikan kayu pengukur bagi memantau perjalanan, pencapaian dan keberkesanan prestasi untuk semua organisasi di universiti ini.

Bengkel sehari itu telah dihadiri oleh semua Pegawai Kanan universiti yang memfokuskan kepada pemurnian BSC berdasarkan kepada beberapa siri bengkel yang dijalankan sebelum ini. Naib Canselor yang turut serta pada bengkel ini mengharapkan agar semua pihak lebih serius dan komited dalam usaha untuk mencapai visi menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif bertaraf dunia.





HEPA UTeM anjur

# majlis Makan Malam "HOME COMING" ALUMNI

**2 Disember:** Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan Majlis Makan Malam "Home Coming" kepada alumni UTeM sempena ulangtahun ke-10 universiti ini.

Menurut Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, antara objektif ianya diadakan ialah bagi mengumpul alumni-alumni dari pelbagai kursus, memperkenalkan Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) kepada para alumni, mengeratkan silaturahim sesama alumni yang terdiri dari pelbagai latar belakang serta memberi pendedahan dan kefahaman tentang penghayatan sayangkan universiti kepada semua golongan alumni.

Hampir 200 orang alumni UTeM telah hadir dalam majlis ini. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan, Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Presiden Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) Al Amin Mohamed Sultan, Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Ahmad Ibrahim Yazirruddin, Pegawai-pegawai Kanan universiti serta pegawai-pegawai di Pejabat HEPA. Majlis turut diserikan dengan persembahan orkestra UTeM dan acara pemotongan kek sempena ulangtahun ke-10 penubuhan UTeM.



## Klinik Mahasiswa UTeM Terima Lawatan dari UiTM

**6 Disember:** Klinik Mahasiswa UTeM dikunjungi oleh kakitangan klinik mahasiswa daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka dan Sabah. Delegasi telah disambut oleh Pegawai Perubatan UTeM Dr. Mohd. Takrimi Shahabudin.

Antara tujuan lawatan ini ialah untuk bertukar-tukar maklumat dan fikiran mengenai fungsi klinik mahasiswa UTeM disamping meninjau kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada pelajar.

Selain itu ia juga bertujuan untuk membuat penandaarasan di dalam perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatan di kampus masing-masing. Delegasi UiTM turut dibawa melawat ke sekitar klinik dan beramah mesra bersama kakitangan klinik mahasiswa UTeM.

## Siswa UTeM Berbakti di FELDA CHIKU GUA MUSANG

**2 Disember:** Seramai 74 orang pelajar UTeM telah mengadakan program bakti siswa di Felda Chiku, Gua Musang, Kelantan. Program tersebut adalah anjuran Jawatankuasa Kediaman Mahasiswa Luar (JKML) dan Sekretariat Permuafakatan Siswa Siswi Felda UTeM (PERSADA) dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Antara program yang telah diadakan ialah penyerahan anak angkat, bengkel cara penggunaan Microsoft Office dan Adobe Photoshop kepada pelajar sekolah, senamrobik bersama penduduk kampung, gotong royong, kenduri sekampung, persembahan kebudayaan dan juga membuat kelas tuisyen dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Metamatik dan Sains. Perasmian telah disempurnakan oleh ADUN Paloh, Datuk Nozula Mat Diah.





# Sukarelawan Konvoi Flotila Berkongsi Pengalaman di Tazkirah Mega

anjuran PUSPANITA UTeM

**17 Disember:** PUSPANITA UTeM melalui Biro Keagamaan dan Sahsiah telah menganjurkan Tazkirah Mega bertajuk Palestin Di Ambang 1432 Hijrah: Tanggungjawab Kita Sebagai Muslim. Tazkirah ini telah di hadiri lebih dari 100 orang peserta yang terdiri dari ahli PUSPANITA dan kakitangan UTeM. Turut hadir ialah Datin Sara Ayub, Pengerusi PUSPANITA UTeM.

Tazkirah ini disampaikan oleh Tuan Haji Noorazman bin. Mohd Samsudin, Pengerusi Haluan Palestin yang juga seorang sukarelawan yang menyertai Misi Bantuan kemanusiaan ke Gaza iaitu Sukarelawan Konvoi Flotila dengan menaiki Kapal Mavi Marmara yang diserang Israel semasa menyertai misi bantuan Life Line for Gaza (LL4G).

Dalam ceramahannya, Tuan Hj Noorazman telah berkongsi pengalaman beliau sebagai sukarelawan yang membantu umat Islam yang di Palestin. Beliau telah memberikan kefahaman, kesedaran, menyuntik semangat dan membuka mata masyarakat Islam mengenai isu yang menyentuh permasalahan saudara Islam di Palestin. Yang jelas, persoalan Palestin adalah suatu perkara besar yang melibatkan persoalan aqidah setiap orang Islam. Pengalaman beliau melalui saat-saat getir semasa diserang Israel juga menguatkan lagi semangat beliau untuk terus membantu rakyat Palestin.



## Pejabat Bendahari UTeM Diiktiraf Menepati Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)

**23 Disember:** Tahniah diucapkan kepada Pejabat Bendahari kerana berjaya merangkul Anugerah Pensijilan Semula Amalan Persekitaran (5S) selama tiga tahun berturut-turut dengan rekod cemerlang sejak awal penubuhannya lagi. Perkara ini telah menjadi suntikan motivasi dan perangsang kepada Pusat Tanggungjawab lain di UTeM bagi sama-sama mengikuti jejak kejayaan ini.

Menurut En Khairul Taib, Bendahari UTeM "5S" yang diamalkan di UTeM adalah merupakan satu adaptasi daripada amalan kerja yang diamalkan di Negara Jepun terdiri daripada jawatankuasa latihan, jawatankuasa promosi dan jawatankuasa audit "5S" yang dijadikan penanda aras di UTeM. Ini juga menggambarkan tahap disiplin yang tinggi disamping mutu kerja serta perjalanan operasi harian yang bergerak secara produktif, efisien dan efektif serta seiringan dengan Moto UTeM UTeM 'Kompetensi Teras Kegemilangan'.

Kesinambungan daripada Penganugerahan Pensijilan Semula Amalan Persekitaran (5S) memberi impak yang memberangsangkan terutama kepada Pejabat Bendahari dan UTeM secara amnya. Hal ini dibuktikan melalui pemupukan semangat kerjasama dan kerja berpasukan dalam kalangan staf kerana aktiviti dilakukan secara bersama tanpa mengira pangkat dan jawatan. Di samping itu, persekitaran kerja yang lebih kondusif dan selesa dengan ruang kerja yang lebih luas dan kemas diwujudkan sekaligus memberi keselesaan kepada pelanggan yang berurusan dengan pejabat.



## Berita Kelahiran & Perkahwinan



### Yasmeen Zhafirah

Nama Staf : Pn. Hajar Suriati binti Othman  
 PTJ : Pejabat Pendaftar (BPO)  
 Nama Anak : Yasmeen Zhafirah binti Mohd Haffize  
 Tarikh Lahir : 10 Disember 2010

### Mohammad Hafiy Dayyan

Nama Staf : En. Hasan bin Saleh  
 PTJ : Pejabat Pendaftar (BPO)  
 Nama Anak : Muhammad Hafiy Dayyan bin Hasan  
 Tarikh Lahir : 10 Disember 2010

“Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan pada bulan Disember 2010.



Mohamad Roslan bin Sabtu dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersama pasangannya Mazlina binti Ibrahim yang melangsungkan perkahwinan pada 25 Disember 2010.



Noor Azman Bin Mansor dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) bersama pasangannya Nor Mashitah Binti Mohd Zin yang melangsungkan perkahwinan pada 3 Disember 2010.



Mohd Azlan Hafiz Bin Hj. Mohd Roslan dari Pejabat Antarabangsa bersama pasangannya Nurliyana Binti Hj Rosli yang melangsungkan perkahwinan pada 5 Disember 2010



## Personaliti Pilihan



**OMAR BIN ABDUL AZIZ**  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR  
PEJABAT PENDAFTAR

Omar bin Abdul Aziz menyertai UTeM pada bulan Jun 2008 dan ditempatkan di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Pemegang Diploma Pengurusan Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA ini amat meminati aktiviti lasak seperti pengembaraan mendaki gunung, menjelajah ke pulau-pulau serta aktiviti water rafting.

Omar merupakan salah seorang ahli Backpackers Adventure Team (BAT) yang sangat sinonim dengan pelbagai aktiviti pengembaraan di kalangan warga UTeM. Menerusi aktiviti kelab tersebut, Omar telah berjaya menawan gunung-ganang yang terbentang di semenanjung Malaysia.

Tiada yang lebih mengasyikkan bagi Omar apabila berjaya menawan gunung yang didaki setelah mengharungi kepayahan dan kesukaran untuk sampai ke puncak. Gunung Tok Nenek yang terletak di Cameron Highlands merupakan salah satu destinasi pengembaraan yang tidak dapat beliau lupakan. Manakala, Air Terjun Lansir dan Chemerong di Terengganu juga antara tempat menarik yang akan kekal dalam ingatan beliau sepanjang masa.



**ZURAIDAH BINTI AMAR**  
PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN  
PEJABAT PERPUSTAKAAN

Zuraidah binti Amar memulakan perkhidmatan pada bulan November 2008 di Unit Automasi, Pejabat Perpustakaan. Seorang yang sangat peramah dan ceria, Zuraidah yang berasal dari Muar merupakan pemegang Diploma Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA kampus Segamat.

Meskipun sibuk dengan urusan harian, Zuraidah gemar menjahit ketika mempunyai waktu terluang. Beliau yang kini bergelar ibu juga akan meluangkan masa bersama keluarga serta bayi perempuannya yang mencecah usia sepuluh bulan terutama sekali di hujung minggu.

Zuraidah yang kini menetap di Duyong Melaka amat meminati sukan bola jaring malah pernah mewakili kampus beliau sewaktu kejohanan antara universiti pada zaman pengajiannya.

## UTeM Beri Saingan Sengit pada Temasya Sukan MTUN

**24 - 26 Disember** : UTeM telah menghantar seramai 130 orang atlet yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan universiti ini ke kejohanan Sukan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal (MTUN) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Menurut Ketua Kontinjen UTeM, Zainudin Ahmad yang juga merupakan Ketua Timbalan Pendaftar Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM mengambil bahagian dalam 9 acara yang dipertandingkan. Bagi kategori pelajar, UTeM menyertai acara bola tampar lelaki dan wanita, futsal lelaki dan wanita, "ergo-machine rowing" lelaki dan wanita dan silat seni untuk lelaki dan wanita.

Manakala bagi staf, acara yang dipertandingkan ialah badminton campuran, tarik tali lelaki, catur campuran, karom campuran dan futsal lelaki.

Bagi UTeM kejohanan ini adalah bagi mempersiapkan diri untuk menyertai kejohanan yang lebih besar seperti sukan anjuran Majlis Sukan Antara Universiti (MASUM), Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti (SUKUM) dan juga bagi mencungkil bakat-bakat baru dalam acara sukan. Pada tahun hadapan UTeM akan menjadi tuan rumah pada kejohanan SUKUM yang diadakan di kampus induk Durian Tunggal dengan penyertaan dari 20 buah IPTA dan kontinjen Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



## Belia FELDA Tertarik Konsep Pembelajaran di UTeM

**10 Disember** : UTeM terus menggiatkan usaha dalam mempromosikan peluang-peluang pengajian dalam bidang teknikal melalui penyertaan di dalam acara yang melibatkan belia. Baru-baru ini UTeM telah menyertai Karnival Iktiraf 2010 yang dianjurkan oleh Seranta (FELDA) Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) bertempat di Presint 3 Putrajaya.

Pada karnival tersebut, tapak pameran UTeM tidak putus-putus menerima pengunjung yang sebahagian besarnya adalah belia FELDA yang mengambil kesempatan untuk mengetahui syarat-syarat kemasukan ke universiti teknikal yang pertama di negara ini. Kesempatan bertemu dengan staf UTeM digunakan sepenuhnya oleh belia FELDA untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai sistem pendidikan teknikal yang diamalkan di universiti tersebut.

Karnival Iktiraf 2010 berjaya menghimpunkan 10,000 peserta yang terdiri daripada peneroka dan belia FELDA dari seluruh negara sepanjang 3 hari program berlangsung. YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak hadir menyempurnakan Majlis Perasmian serta menyampaikan anugerah kepada persatuan-persatuan belia serta tokoh-tokoh belia FELDA yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam membawa generasi baru FELDA seiring dengan wawasan negara.

